

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN SU KEONG SIONG (KAMPAR)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca kegagalan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk melaksanakan Perintah Mahkamah Persekutuan bertarikh 29 Januari 2018 yang diberikan terhadap K. Pathmanathan, sekarang dikenali sebagai Muhammad Riduan Abdullah walaupun PDRM mengetahui di mana beliau berada.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sebaik sahaja Mahkamah Tinggi, Ipoh, Perak memberikan hak penjagaan ketiga-tiga anak kepada Puan Indira Gandhi pada 11 Mac 2010, pihak PDRM telah memulakan usaha mencari bekas suami Puan Indira iaitu Encik Patmanathan A/L Krishnan atau Muhammad Ridzuan bin Abdullah dan anak perempuan mereka yang dipercayai berada dalam jagaan Encik Muhammad Ridzuan pada ketika itu.

PDRM juga telah membuat semakan dengan rekod di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan telah membuat pemeriksaan di semua alamat yang pernah didiami oleh Encik Muhammad Ridzuan, namun didapati individu tersebut tidak lagi menetap di alamat-alamat tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

Encik Muhammad Ridzuan telah disenaraikan oleh pihak PDRM sebagai orang yang dikehendaki. Selain itu, permohonan Senarai Pekeliling Khas (SPK A) telah dibuat bagi memantau pergerakan keluar masuk keluar negara. Nama subjek juga telah disenaraihitamkan dalam rekod Jabatan Imigresen untuk mengesan serta menangkapnya jika dia cuba melarikan diri keluar negara menggunakan pintu masuk dan keluar negara yang diwartakan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Walau bagaimanapun, berdasarkan siasatan pihak PDRM, dipercayai Encik Muhammad Ridzuan tidak berada di Malaysia dan menggunakan laluan yang tidak diwartakan, serta tidak berada tetap di satu-satu tempat di luar negara tetapi bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam usaha menghalang daripada dikesan serta menyukarkan pihak berkuasa menjalankan siasatan.

Pihak PDRM juga menjalankan kerjasama dengan pihak berkuasa negara jiran bagi mengenalpasti lokasi subjek. Pihak PDRM akan mengambil tindakan undang-undang berdasarkan peruntukan sedia ada sekiranya subjek pulang ke negara ini.